

## KENYATAAN MEDIA

### INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA

#### MIROS – PERKESO MEMETERAI PERJANJIAN PERSEFAHAMAN

---

**KUALA LUMPUR, 17 NOVEMBER 2021** – Majlis Menandatangani dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) telah berlangsung pada 15 November 2021 di Menara Perkeso, Jalan Ampang, Kuala Lumpur bagi mengeratkan hubungan kerjasama antara PERKESO dan MIROS yang telah lama terjalin, bermula daripada projek penyelidikan sehinggalah pelaksanaan program intervensi.

Ketua Pengarah MIROS, YBrs. PPj. Kehormat (PA) Ir. Ts. Dr. Khairil Anwar Abu Kassim menyifatkan kerjasama yang dimeterai hari ini merupakan kolaborasi melipatgandakan usaha ke arah pencapaian wawasan demi mengurangkan kes kematian dan cedera parah di jalan raya pada kadar 50% menjelang UN Sustainable Development Goals 2030. MIROS adalah antara penerima geran bantuan kewangan PERKESO dalam memberi latihan dan sokongan serta menjalankan intervensi berhubung keselamatan perjalanan termasuklah perjalanan berkaitan pekerjaan. Menerusi geran bantuan ini, MIROS menyambut baik usaha yang dijalankan oleh pihak PERKESO untuk meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya dan mencegah kemalangan khususnya kemalangan perjalanan di Malaysia.

Hasil kerjasama ini, sebanyak 73 program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021. Antaranya ialah Commuting Safety Support Program (CSSP), Managing Work-Related Road Safety Program (MWRRSP) dan Kursus Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Bagi Sektor Pekerjaan Berkaitan Jalan Raya (WRRS OSH-C). Pencapaian terbesar usahasama ini adalah kejayaan MIROS dan PERKESO dalam memasukkan skop Work-Related Road Safety (WRRS) ke dalam Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025 (OSHMP25) melalui strategi 7 dalam memperkukuhkan Pengurusan Keselamatan Jalan Raya berkaitan Pekerjaan (WRRS).

Dapatan program sokongan CSSP juga menunjukkan 81 peratus majikan yang menyertai program tersebut menunjukkan rekod penurunan kadar kemalangan dalam tahun pertama selepas menyertai CSSP. Selain itu, terdapat juga penurunan kadar kemalangan perjalanan bagi majikan yang terlibat dalam program ini, iaitu penurunan sebanyak 12.8 peratus pada tahun 2017 dan 4.2 peratus pada tahun 2018.



MoU tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO dan YBrs. PPj. Kehormat (PA) Ir. Ts. Dr. Khairil Anwar bin Abu Kassim, Ketua Pengarah MIROS dengan disaksikan oleh YBrs. Dr. Azlan bin Darus, Ketua Bahagian Pencegahan, Perubatan Dan Pemulihan PERKESO dan YBrs. Lt. Kol. Bersekutu (PA) Ts. Azhar bin Hamzah, Pengarah Pusat Penyelidikan Perubahan Tingkah Laku Pengguna Jalan Raya (RUBC), MIROS.

**TAMAT**

Dikeluarkan oleh:

Unit Korporat dan Pengurusan Ilmu  
Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)  
Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, Selangor  
T: 03-8924 9200 | E: [inquiry@miros.gov.my](mailto:inquiry@miros.gov.my)